



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

ISU VIRAL: PENULARAN MAKLUMAT PALSU MENGENAI “KAD WARGA EMAS RASMI MALAYSIA”

PUTRAJAYA, 24 Disember 2025 - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengambil maklum mengenai penularan maklumat di media sosial dan aplikasi “*WhatsApp*” berkaitan pengeluaran “**Kad Warga Emas Rasmi Malaysia**”.

Sehubungan itu, JKM ingin **menafikan** kesahihan maklumat tersebut. Untuk makluman, **tiada sebarang pengeluaran “Kad Warga Emas Rasmi Malaysia” oleh JKM**. Penularan maklumat palsu ini boleh mengelirukan orang ramai terutamanya dalam kalangan warga emas dan ahli keluarga mereka.

Orang ramai dinasihatkan agar **sentiasa berwaspada** dan mendapatkan maklumat yang **tepat, sahih dan terkini** hanya melalui saluran rasmi JKM seperti berikut:

Portal Rasmi JKM : www.jkm.gov.my

Facebook : <https://www.facebook.com/myjkmhq/>

Instagram : <https://www.instagram.com/jkmhq>

Tik Tok : <https://www.tiktok.com/@jkmhq>

Laman X : <https://x.com/jkmhq>

JKM juga sentiasa mengalu-alukan sebarang pertanyaan atau rujukan berkaitan perkhidmatan dan permohonan bantuan melalui **Talian Kasih 15999, WhatsApp 019-261 5999** yang beroperasi 24 jam atau dengan menghubungi **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD)** yang berhampiran.

Kerjasama orang ramai untuk **tidak menyebarkan maklumat tidak sah** amat dihargai bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat terus terpelihara.

##TAMAT##

Dikeluarkan Oleh:

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

24 DISEMBER 2025